

Bina asrama dengan ciri2 keselamatan — Mahathir

MAY 26 SEP 1989

ALUR SETAR 23 Sept. — Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad hari ini mengarahkan setiap pembinaan bangunan asrama sekolah menitikberatkan ciri - ciri keselamatan bagi mengelak kejadian yang tidak diinginkan.

Beliau berkata, banyak sekolah swasta didapati tidak mematuhi ciri - ciri keselamatan yang diperlukan.

"Pandangan dan nasihat Jabatan Bomba mengenai keselamatan dalam bangunan yang hendak didirikan adalah penting dan perlu diberi perhatian," katanya.

"Pihak sekolah perlu mengambil berat soal - soal tempat memasak di bangunan asrama, penggunaan lilin dan alat - alat elektrik seperti seterika yang menggunakan bekalan elektrik," katanya.

Perdana Menteri memberitahu para pemberita selepas mengadakan lawatan mengujut ke Sekolah Menengah Agama Rakyat Taufikiah Khairiah Al-Halimiah Padang Lumat dekat sini kira - kira jam 1.55 tengah hari tadi.

Perdana Menteri tiba dengan helikopter di pekan Guar Chempedak dengan diiringi oleh Menteri Penerangan, Datuk Mohamed Rahmat dan Menteri Pendidikan, Encik Anwar Ibrahim dan kemudian bertolak dengan kereta ke Padang Lumat.

Beliau disambut oleh Menteri Besar Kedah, Datuk Sri Haji Osman Aroff, Pengetua Sekolah, Haji Abdul Manan Haji Yahaya, pegawai - pegawai tadbir sekolah dan ketua - ketua jabatan.

Perdana Menteri kemudian diberi taklimat mengenai kebakaran lapan blok asrama yang berlaku pada jam 1.50 pagi dan meragut 27 nyawa pelajar perempuan sekolah tersebut oleh penguanya, Haji Abdul Manan Haji Yahaya.

Selepas itu Perdana Menteri dibawa melawat tempat kebakaran serta diberi penerangan oleh Pemangku Ketua Pengarah Bomba Malaysia, Encik Goh Chai Hock sebelum menemui para pemberita.

Perdana Menteri turut merakamkan rasa sedih sambil mengucapkan takziah kepada keluarga pelajar - pelajar yang terkorban.

Beliau juga memberitahu, kerajaan akan menimbangkan bantuan bagi membina semula asrama sekolah menengah agama rakyat itu dan juga bantuan kepada keluarga yang telah kehilangan anak.

Sementara itu, Encik Anwar yang ditemui oleh para pemberita membicarakan, beliau telah diarah oleh Perdana Menteri membuat kajian mengenai pembinaan semula asrama sekolah yang terlibat sebelum kerajaan dapat menentukan bantuan yang diperlukan.

Ditanya sama ada kerajaan akan mengenakan syarat terhadap pembinaan asrama sekolah - sekolah swasta dengan melengkapkan alat - alat keselamatan, beliau berkata ia agak susah untuk mengenakan syarat demikian kerana kosnya yang tinggi.